

# Tidak malu jadi anak penjaja – Fauziah

Oleh **FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA**  
berita@kosmo.com

PUTRAJAYA – Penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fauziah Hassan, 25, membuktikan anak peniaga gerai makan tepi jalan juga mampu untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan peringkat tinggi.

Beliau yang kini Eksekutif Perhubungan Media di sebuah agensi berita di sini berkata, dirinya tidak berasa malu walaupun dilahirkan sebagai anak penjaja kerana itulah yang menjadi pendorong kepada kejayaannya.

“Walaupun saya dilahirkan bukan dari keluarga yang senang tetapi itu bukanlah alasan mengapa saya tidak boleh berjaya seperti orang lain,” katanya pada media selepas majlis Konvokesyen Ke-6 USIM di sini kelmarin.

Lebih membanggakan, anak bongsu daripada tiga beradik itu turut diberi peluang berucap mewakili graduan lain di depan ribuan ibu bapa, pensyarah dan Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Tuanku Besar Burhanuddin selaku Canselor USIM.

Graduan dalam bidang Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian itu memberitahu, kejayaannya bertitik tolak daripada sikap yang tidak pernah jemu mendapatkan ilmu.

“Sebelum ke kelas saya mengulang kaji pelajaran



dulu. Sewaktu di kelas saya akan fokus 100 peratus. Jika masih ada perkara yang saya tidak faham, saya akan rujuk kepada pensyarah,” katanya yang juga mendapat Anugerah Dekan tujuh semester berturut-turut.

Sementara itu, ibunya Azizah Sukaymee, 51, memberitahu, walaupun dia tidak dapat memberikan kemewahan kepada anaknya tetapi dia tidak pernah mengecewakan apa juga permintaan anaknya.

“Apa sahaja permintaan Fauziah, mak cik akan turuti. Dia anak yang baik dan tidak pandai minta macam-macam. Dia faham dengan kesusahan mak cik,” katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi penerima anugerah Pelajaran Diraja iaitu Lijawati Daud, 23, dalam bidang Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan kepujian berkata, beliau bercita-cita untuk menceburkan diri dalam bidang

politik.

“Sekiranya saya berpejuang menjadi ahli politik, saya akan membantu membangunkan kawasan ‘Be-ufort’ (Sabah) menjadi kawasan yang maju,” kata graduan dari Sabah itu.

Kedua-dua mereka menerima sijil, pingat jaya cemerlang dan wang tunai RM2,500.

Pada majlis konvokesyen USIM kali ini, seramai 289 graduan menerima ijazah masing-masing dalam semua peringkat pengajian dan sebanyak enam anugerah diberi kepada 15 graduan cemerlang.



**FAUZIAH** (kanan) dan Lijawati memegang pingat Anugerah Pelajaran Diraja pada majlis Konvokesyen Ke-6 USIM, Putrajaya kelmarin.